Kestabilan politik Malaysia terkenal seluruh dunia

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD
Ketua Pemberita BH

KELUARAN KHAS HARI KEBANGSAAN

Malaysia dan kestabilan politiknya kini terkenal dan diakui oleh sebilangan besar masyarakat antarabangsa. Hakikat ini sungguh membanggakan.

Kestabilan ini juga merupakan kunci utama kepada kemakmuran, keamanan serta kesejahteraan yang dinikmati rakyat sejak turunnya bendera Union Jack dan berkibarnya bendera Malaysia merdeka dan berdaulat 31 Ogos 1957 dulu.

Di samping kepercayaan beberapa negara maju terhadap kestabilan politik kita, seorang pakar dari luar Jepun menegaskan baru-baru ini, Malaysia merupakan satu-satunya negara paling stabil, berpotensi dan menarik di mata para pelabur negara matahari terbit itu.

Bagaimanapun, setiap warganegara Malaysia tidak seharusnya terlalai atau terlena mendengar pujian tersebut kerana kestabilan politik bukan satu-satunya yang kita warisi dari penjajah, malahan ia adalah hakikat dan situasi yang kita wujudkan menerusi berbagai usaha gigih, khususnya oleh pihak pejuang bangsa dan pemegang amanah rakyat — Kerajaan Barisan Nasional.

Perpaduan

Kestabilan politik negara, secara ringkasnya, adalah hasil persefahaman dan perpaduan rakyat berbilang kaum, agama, kebudayaan dan bahasa di Malaysia yang telah sanggup menyumbangkan pengorbanan dalam mewujudkan harmoni dan semangat setia-kawan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, pernah menegaskan di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini bahawa kemajuan yang dicapai oleh Malaysia setakat ini adalah hasil kestabilan yang lahir dari perpaduan kaum.

Katanya, dengan wujudnya kestabilan, Malaysia mampu melaksanakan program-program pembangunan dan menarik pelabur asing. Dan selanjutnya kata beliau, dalam sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, kestabilan politik tidak boleh dianggap satu keadaan yang wujud dengan sendirinya dan akan kekal selama-lamanya tanpa asas-asas kukuh.

Menurut bekas Perdana Menteri, asas kestabilan politik Malaysia bergantung sebilangan besarnya kepada perpaduan rakyat. Dan Kerajaan pula telah menetapkan landasan tertentu untuk memperkukuh perpaduan berkenaan.

Antara lunas-lunas perpaduan yang melahirkan kestabilan ialah penggunaan satu bahasa, penciptaan satu kebudayaan dan pelaksanaan satu sistem pelajaran.

Dasar

Tun Hussein menjelaskan bahawa untuk menjamin perpaduan kaum yang tulen dengan seberapa segera di negara ini, setiap rakyat hendaklah memainkan peranan dengan jujur dan ikhlas serta memberikan sumbangan terhadap pelaksanaan dasar-dasar yang ditentukan.

Dari baris-baris amanat Tun Hussein, kita dapat menyatakan bahawa tanpa kestabilan, Malaysia akan menjadi kucar-kacir, rakyat berpecah belah dan mungkin terus hancur ditelan gejala perpecahan yang didaiang oleh anasir kaum yang subversif dan anti-perpaduan.

Oleh itu, dalam mempersoalkan kestabilan politik yang bertalian rapat dengan perpaduan kaum, wajar juga dipertimbangkan faktor-faktor yang wajib bagi kewujudannya.

BERSATU padu cintakan tanahair

Antaranya adalah dasar-dasar Kerajaan yang sentiasa adil dan digubal bukan untuk sesuatu kaum, malahan untuk keseluruhan kaum di semua peringkat. Hakikat ini perlu diambil kira dan disematkan di segenap sanubari warganegara yang cintakan negara dan Rajanya.

Di samping itu ialah pegangan kita terhadap Rukunegara yang menjadi panduan kepada cara hidup dan tindak-tanduk kita.

Adalah tidak bermakna samasekali sekiranya Rukunegara hanya dihafal dan tidak diamalkan dan adalah sesuatu perbuatan durhaka sekiranya Rukunegara dipersenda dan dipersoalkan kepentingannya.

Selanjutnya, kestabilan politik perlu dibaja oleh parti-parti politik yang mendokong teraju pemerintahan negara dan parti politik yang beperanan sebagai pembangkang.

Dari segi ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap pemimpin politik semua peringkat dan anggotanya untuk sentiasa bergerak dengan penuh disiplin, penuh sikap hormat menghormati dan juga bergerak berdasarkan garis dan rangka Perlembagaan serta perundangan negara.

Rakyat Malaysia keseluruhannya pula perlu berterusan mengingati hakikat bahawa kestabilan politik bukanlah sesuatu keadaan yang mereka warisi ataupun wujud dengan sendirinya. Lantas, peranan mereka juga penting dalam menjamin serta memperkukuhkan lagi kestabilan tersebut.

Oleh itu, setiap warganegara perlulah menggunakan kebijaksanaan yang ada untuk memastikan kiraan politik terutama sekali sewaktu membuang undi di sesuatu pilihanraya, kerana pengiraan yang penuh emosi dan sentimen mungkin hanya membawa kita ke satu destinasi yang penuh gelora dan ombak gila menghempas pulas setiap masa.

Mungkin juga, kesilapan dalam membuat satu perhitungan politik, rakyat akan terjebak oleh perangkap yang bisa dan beracun hinggakan Malaysia menjadi satu negara yang hidup segan mati tak mahu dan negara yang tercabul kedaulatannya oleh manusia yang sentiasa bertopengkan demokrasi, keadilan dan kesejahteraan hidup.

Ditinjau dari skop antarabangsa, kestabilan politik Malaysia hari ini adalah hasil dasar luarnya yang pragmatik dan berkecuali. Ini dapat dihayati dari segi kewujudan ASEAN yang sentiasa mempersiapkan konsep aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara dan juga konsep berkecuali dari jerangkap gergasi-gergasi kuasa dunia di manamana itu antarabangsa.

Dalam ASEAN, yang sebenarnya merupakan pakatan ekonomi, Malaysia berjaya memperkukuhkan ketahanan nasionalnya dalam rangka dan landasan yang lebih meluas.

Dalam ASEAN juga, Malaysia sentiasa gigih mempersiapkan keadilan dan sikap tidak campur tangan kuasa asing dalam pentadbiran sesuatu negara lain yang berdaulat dan merdeka.

Forum

Konsep berkecuali ini juga diperminkan sepanjutnya di forum-forum lain seperti dalam pertubuhan Negara Berkecuali yang sentiasa menghadapi arus kencang untuk dihanyutkan ke suatu arah dan destinasi tidak berkecuali samasekali.

Ketegasan Malaysia dalam menghalang sesuatu percubuan kuasa besar yang berusaha menghanyutkan konsep berkecuali dengan penuh diplomatik dan menerusi saluran sewajarnya, menjadikan negara ini lebih disegani dan menjadikan kestabilan politik negara lebih dihayati oleh rakyat dan masyarakat antarabangsa.

Conton terbaru ketegasan Malaysia dalam konteks ini, adalah penutupan radio haram yang dikendalikan oleh pihak komunis, Suara Revolusi Malaya yang berpangkalan di China. Penutupan ini merupakan satu manifestasi bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa tegas dalam merundingkan secara diplomatik dengan pihak China, agar radio yang memancarkan siaran propaganda Parti Komunis Malaya ditutup, kerana propaganda itu menjejaskan kestabilan politik negara ini.

Di samping itu, menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hubungan Malaysia-China, kini mengalami sedikit perubahan. Ini sudah tentu memperkukuhkan lagi kestabilan politik negara.

Tambahan lagi bila kuasa Komunis itu berikrar mengurangkan penglibatannya dengan PKM yang diharamkan di negara ini.

Seterusnya, kestabilan politik Malaysia juga wujud hasil dari persefahaman serantau, khususnya dengan negara jiran terdekat, termasuk Singapura, Thailand dan Indonesia yang semakin erat dan mesra.

Kewujudan persefahaman ini mengurangkan faktor-faktor luar yang mungkin dapat menjejaskan kestabilan yang ada dan juga dapat memperkukuhkan lagi kestabilan yang kita wujudkan.

Inisiatif

Persefahaman dua-hala dengan jiran tetangga ini, yang sebilangan besarnya hasil usaha antara Kerajaan dengan Kerajaan perlu dibaja dan diperhebatkan menerusi hubungan manusia-dengan-manusia seperti disarankan oleh Menteri Luar Negeri, Tan Sri GHazali Shafie di Jakarta tempoh hari.

Adalah menjadi satu kewajaran sekiranya rakyat Malaysia mengambil usaha dan inisiatif memupuk persefahaman dengan rakyat Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina di peringkat rakyat dengan rakyat dalam ertikata yang lebih bermakna.

Cara bila dan bagaimanakah hubungan seperti itu harus diwujudkan perlu di persoalkan dan diteliti sehalus-halusnya agar setiap usaha benar-benar mengnasilkan keputusan yang sihat dan positif.

Pendeknya, kestabilan politik yang menjadi kunci kestabilan ekonomi, keselamatan, keamanan serta kesejahteraan hidup, yang memang berganting sebilangan besarnya kepada usaha dalam negeri, perlu juga disaingi dengan usaha-usaha antarabangsa.

Apa yang menjadi harapan kini ialah, untuk membolehkan rakyat mengecapi hidup aman makmur, sejahtera dan berpadu, usaha ke arah pencapaian objektif tersebut sekarang perlu diperhebat dan diteruskan sebarang tanpa sebarang kecacatan atau kelemahannya, kerana sesuatu usaha yang negatif akan hanya membawa kecelakaan kepada semua dan kestabilan politik akan hanya bertukar kepada kepurak-purandaan politik, di mana implikasinya adalah meluas dan tidak sihat.